

KEMPEN LBS FABULOUS EXTRA 2022-23 KEMBALI DENGAN LEBIH BANYAK HADIAH MENARIK YANG MENGUJAKAN

Petaling Jaya, 4 Julai 2022 – Selepas kejayaan memberangsangkan melalui kempen LBS Fabulous 20-21, LBS Bina Group Berhad (LBS) kembali dengan kempen cabutan bertuah LBS FABULOUS EXTRA 2022-23, kali ini dengan hadiah bernilai RM1.5 juta untuk dimenangi. Pelbagai hadiah seperti kereta, motosikal, peralatan rumah, sistem hiburan dan banyak lagi, untuk diberikan kepada pembeli bertuah.

Antara hadiah menarik yang ditawarkan adalah 22 unit Perodua Axia, 41 unit motosikal SM Sports 110R, 33 unit Sony 5.1 Cinema Home Soundbars, 46 unit basikal gunung Decathlon Rockrider ST30, Televisyen Panasonic 40” dan pelbagai peralatan elektrik rumah untuk dimenangi.

“Ianya merupakan pengalaman yang sangat bernilai apabila melihat kegembiraan terukir di wajah pembeli rumah kami setelah mereka menerima hadiah. Oleh itu, bagi pusingan kali ini, kami telah menggandakan lebih banyak hadiah, dan ini bermakna setiap pembeli rumah berpeluang tinggi untuk memenanginya.” ulas Tan Sri Lim Hock San, Pengerusi Eksekutif LBS Bina Group Berhad.

Pembeli rumah yang membeli hartanah LBS dengan harga bermula daripada RM300,001.00 ke atas, pada 1 Julai 2022 sehingga 31 Disember 2023 layak secara automatik untuk menyertai cabutan bertuah.

Kempen LBS FABULOUS EXTRA 22-23 terbahagi kepada dua fasa dan akan diperluaskan merentasi pelbagai platform media sosial LBS, iaitu Facebook, dan Instagram, bermula dari 1 Julai hingga 16 September 2022, manakala bagi fasa kedua pula akan diadakan acara berbentuk karnival di beberapa lokasi terpilih bersempena dengan sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia dari Ogos hingga September.

LBS Fabulous Extra 2022-23 akan berjalan selama setahun dengan pelbagai acara menarik menanti pembeli rumah, di mana butiran adalah seperti berikut:

- 12 Ogos (Jumaat) - Acara media di Galeri Jualan Kita @ Cybersouth
- 20 & 21 Ogos (Sabtu & Ahad) – Karnival di LBS Alam Perdana
- 27 & 28 Ogos (Sabtu & Ahad) – Aktiviti mini di Prestige Residence
- 3 & 4 September (Sabtu & Ahad) – Aktiviti Mini di RBBJ
- September – Karnival di Centrum Boulevard

Pembeli rumah LBS juga akan menikmati insentif tambahan, seperti yuran tempahan rendah sebanyak RM200, pengecualian yuran guaman, ganjaran kesetiaan, skim pembayaran flexi, yuran keluar sifar dan pakej perabot.

Layari www.lbs.com.my atau hubungi 1700 81 8998 bagi pertanyaan mengenai produk dan kempen terkini. Kunjungi galeri jualan kami atau layari <https://virtualfair.lbs.com.my/>.

~Tamat~

Mengenai LBS Bina Group Berhad

LBS Bina Group Berhad (LBS), pemaju perbandaran terkemuka di peringkat antarabangsa dengan visi untuk membina ruang inspirasi sempurna merupakan penyandang pelbagai anugerah menerusi projek pembangunannya. Dengan mengutamakan pembeli rumah, LBS telah membina dan membentuk landskap negara selama 30 tahun dan terus memenuhi permintaan pasaran bagi rumah berkualiti dan mampu milik.

Kini, dengan bank tanah di seluruh Malaysia, LBS terus meraih kejayaan dan kekal kukuh dengan kejayaan perbandaran seperti Bandar Saujana Putra, KITA @ Cybersouth di Dengkil, LBS Alam Perdana di Bandar Puncak Alam dan lain-lain lagi. Selain daripada pembangunan hartanah, LBS turut terlibat di dalam pengurusan runcit, perhotelan dan pelancongan.

Kejayaan berterusan yang dilakar oleh LBS adalah hasil kepimpinan Pengerusi Eksekutif Kumpulan LBS, Tan Sri Lim Hock San yang turut dianugerahkan dengan pingat emas sebagai *Property Man of the year by Malaysia Property Award (FIABCI)* pada tahun 2018 yang merupakan Anugerah 'Oscar' dalam industri hartanah. Ketabahan dan kegigihan Tan Sri Lim di dalam mengatasi cabaran industri, serta kepimpinan yang cemerlang dengan pengetahuan ilmu industri hartanah yang unggul di samping nilai integriti dan tanggungjawab menjadi tonggak kepada penerimaan anugerah ini.

Untuk pertanyaan media, hubungi:
Jabatan Komunikasi Korporat, Media & Digital, LBS
Emel: media@lbs.com.my